

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 16 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1422-MQT0535  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI); dan
  - (b) adakah ia akan diperkenalkan semula dan jika ya, adakah dalam bentuk yang sama atau ada pembaharuan yang akan diperkenalkan.
  
2. PR-1422-MQT0528  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah projek penambakan laut, "*Penang South Reclamation*" (PSR) akan menjejaskan hasil tangkapan ikan dan hidupan laut nelayan. Jika ya, apakah zon-zon penangkapan ikan yang terbabit dan apakah akan ada pembelaan buat nelayan-nelayan yang terlibat dalam bentuk pampasan yang akan diberikan bagi melindungi kebajikan para nelayan di zon-zon tersebut.
  
3. PR-1422-MQT0536  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini perkhidmatan keretapi Shuttle Tebrau antara JB Sentral dan Woodlands Singapura yang amat popular di kalangan rakyat, dan halatuju perundingan Malaysia dengan Singapura untuk menambahkan kekerapan perkhidmatan tersebut, khususnya pada waktu puncak demi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor yang semakin serius.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 16 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 30**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1422-L05520  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keterlibatan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam bencana di Kuala Koh dan apakah peranan NADMA untuk memastikan tragedi seperti ini tidak berlaku lagi di kawasan lain.
  
2. PR-1422-L05508  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah perbezaan duit pendeposit Tabung Haji selepas pengumuman bonus dan berapakah jumlah wang pendeposit yang dikeluarkan selepas pengumuman bonus.
  
3. PR-1422-L04986  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh permulaan serta tarikh siap dijangka untuk projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan.
  
4. PR-1422-L04631  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berkaitan dengan penubuhan 'Youth Power Club' dengan dasar menyalurkan bantuan, adakah telah didaftarkan atau adakah ianya berperlembagaan (Akta 668) memandangkan terdapat unsur yang dipolitikkan sekiranya ada.

5. PR-1422-L04712  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapa jumlah bilangan peraih-peraih getah berlesen di bawah Kementerian yang beroperasi membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara dan apakah mekanisme kawalan dan pemantauan yang diguna pakai untuk memastikan penyelewengan dan manipulasi harga belian tidak berlaku.
6. PR-1422-L05724  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerjaan dengan gaji sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan telah berjaya dicipta untuk tempoh setahun yang lalu dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan satu juta pekerjaan dengan gaji RM2,500 dapat dicipta dalam tempoh masa 5 tahun (2018-2023).
7. PR-1422-L05487  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilakukan Kementerian untuk memastikan status mahkamah syariah di Malaysia dari segi bidang kuasa dan taraf perjawatan setaraf dengan mahkamah sivil.
8. PR-1422-L05410  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 akan dipinda sebagai usaha Kerajaan untuk menambah baik prinsip ketelusan dan keterbukaan seperti mana yang dijanjikan dalam Buku Harapan.
9. PR-1422-L04693  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan perkembangan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak berjumlah RM150 juta yang akan dijalankan di kawasan Bandar Kuching untuk mengatasi masalah banjir kilat.
10. PR-1422-L05067  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kadar pengangguran semasa di Malaysia dan apakah usaha pihak Kementerian untuk membantu belia terutamanya dalam mendapatkan pekerjaan. Bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan.

11. PR-1422-L04437  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pelaksanaan proses pembinaan Stadium Mini di Kg. Beringgis, Papar yang sudah diluluskan dalam RMK-11 sebanyak RM10 juta untuk kemudahan sekolah-sekolah dan penduduk umum di daerah Papar.
12. PR-1422-L05118  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan peruntukan dan status terkini pelaksanaan projek tebatan banjir di Sarawak.
13. PR-1422-L04983  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan untuk mempertimbangkan meluaskan skop pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955, serta untuk memperkenalkan pindaan melarang diskriminasi berdasarkan gender, agama, status kehamilan dan faktor lain dalam sektor swasta.
14. PR-1422-L05386  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan membentangkan Akta Ombudsman.
15. PR-1422-L04841  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja "*precarial*" yakni pekerja yang bekerja bebas atau "*freelance*", tanpa kontrak jangka masa panjang atau pekerjaan kekal di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal akta khusus untuk melindungi hak mereka.
16. PR-1422-L04659  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha serta langkah Kementerian dalam memastikan simpanan bekalan air terawat mencukupi serta jaminan kualiti air terus terjamin bagi kegunaan rakyat.
17. PR-1422-L05424  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dalam memperkasakan Angkatan Pertahanan Awam (APM) memandangkan skop dan tugas-tugas APM adalah amat luas. Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil berkenaan keperluan logistik, infrastruktur dan kebajikan anggota-anggota APM.

18. PR-1422-L05518  
**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah perincian dana kewangan yang telah dan akan disalurkan oleh Kementerian serta konsep pengurusan serta pentadbiran *Youth Power Club (YPC)* yang telah dilancarkan; dan
  - (b) apakah perincian dana kewangan yang telah dan akan diterima Majlis Belia Malaysia (MBM) dari tahun 2015 hingga 2019.
19. PR-1422-L05663  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap penubuhan sekolah tahfiz yang begitu banyak. Apakah elemen kawalan dan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri dalam memastikan kewujudan sekolah-sekolah ini mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.
20. PR-1422-L05221  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah cadangan pindaan Akta Kerja 1955 yang akan dibentangkan dapat memperluaskan hak dan kebajikan yang lebih baik kepada para pekerja khususnya mereka yang dikategorikan sebagai "*underpaid*".
21. PR-1422-L05641  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) perkembangan siasatan dan tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat dalam kes salah laku dan penyelewengan dana Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM); dan
  - (b) langkah penstrukturan semula yang telah diambil bagi membaik pulih institusi YAPEIM.
22. PR-1422-L05345  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan memperincikan jumlah dan jenis bantuan kewangan yang telah diagihkan bagi membantu FELDA selepas pembentangan Kertas Putih bulan April yang lalu.

23. PR-1422-L04978  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pandangan Kerajaan mengenai amalan “*outsourcing*” kerja-kerja seperti pembersihan dan penyediaan makanan, amalan memberi kerja kontrak bulanan serta kerja tanpa perlindungan sosial seperti SOCSO, EPF atau insurans.
24. PR-1422-L04539  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatkah Kementerian menyediakan kemudahan untuk melaksanakan imbasan “*vehicle entry permit*” kenderaan-kenderaan di sempadan Malaysia-Brunei secara percuma untuk mempercepatkan dan memudahkan “*clearance*” kenderaan-kenderaan di sempadan.
25. PR-1422-L04698  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah faedah daripada simpanan tetap itu bagi tahun lalu dan apakah pelan jangka masa panjang bagi wang simpanan tetap itu.
26. PR-1422-L05213  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jaminan untuk memperkasa pendapatan atau mata pencarian pekebun-pekebun kecil getah memandangkan pada ketika ini hasil pendapatan mereka masih diklasifikasikan sebagai rendah untuk menampung kos sara hidup semasa.
27. PR-1422-L04520  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah tindakan di peringkat Kementerian berkenaan pembuangan pekerja FGV Holdings Berhad.
28. PR-1422-L05225  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah indikator atau kayu pengukur kejayaan Kerajaan terhadap pelaksanaan Pelan Penstrukturan dan Pemulihan Tabung Haji (TH) dan apakah status kedudukan kewangan terkini TH, bentuk pelaburan yang diraih TH untuk pertengahan tahun 2019.

29. PR-1422-L05589  
**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membesarkan atau memindahkan Lapangan Terbang Kota Kinabalu ke satu tempat yang sesuai memandangkan lapangan terbang ini telah "overcapacity".
30. PR-1422-L04421  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada sudah Kementerian mengenal pasti perkampungan tepian pantai yang terkena air pasang dan ombak besar seluruh Sarawak. Kalau ya, berapa kos untuk membina benteng-benteng laut dan adakah sumbar kewangan sudah dipohon dari Kerajaan.
31. PR-1422-L05006  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjung Malim ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menggubal undang-undang untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama, seperti Akta Keharmonian Sosial.
32. PR-1422-L04790  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibentuk selepas 13 Mei 1969 adalah bagi mengimbangi ekonomi Bumiputera dan bukan Bumiputera. Setakat ini apakah pencapaian dasar ini dan apakah peratus beza tara pemilikan (aset/harta) Bumiputera dan bukan Bumiputera.
33. PR-1422-L04999  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pindaan Akta Kerja 1955 (*Employment Act*), dan apakah elemen-elemen baru yang akan dikemukakan dalam pindaan berkenaan. Dan apakah strategi kerajaan untuk mendapat pandangan kumpulan kepentingan dalam proses pindaan akta ini.
34. PR-1422-L05408  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah strategik berhadapan cabaran "crowding-out effect" syarikat-syarikat penerbangan gergasi terhadap syarikat-syarikat kecil disebabkan pelaksanaan ASEAN Single Aviation Market kelak.

35. PR-1422-L05190  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) perkembangan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk mewartakan Hutan Ulu Muda sebagai hutan tadahan air, memandangkan pembalakan berterusan menjejaskan iklim mikro dan corak taburan hujan tempatan ; dan
  - (b) kesediaan Kerajaan Pusat melunaskan pampasan yang dipersetujui Kerajaan Negeri Kedah setelah pewartaannya.
36. PR-1422-L04632  
**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [ Tenggara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh Menteri Agama tentang kebimbangan terhadap "orang jahil" bercakap tentang agama Islam berlaku dewasa ini terutama wakil rakyat bukan Islam di beberapa negeri mengagih zakat.
37. PR-1422-L05088  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk Pelantikan Jawatan Awam Utama memandangkan jawatankuasa berkenaan tiada kuasa untuk meluluskan atau melantik pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam termasuk Kehakiman, PDRM, SPRM, SPR kerana ia akan bercanggah dengan undang-undang sedia ada dan Perlembagaan.
38. PR-1422-L05159  
**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan terhadap permohonan semua Ahli Parlimen Malaysia ke-14 sama ada daripada Kerajaan atau Pembangkang diambil perhatian dan diperturunkan bantuan dan dana peruntukan. Ini kerana rakyat di kawasan luar bandar amat memerlukan pembangunan dan bantuan terutamanya di kawasan Parlimen Bukit Gantang.
39. PR-1422-L04435  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan pembinaan "*Waterfront*" di tebing Sungai Papar yang masih berbaki 50% (RM10j) walau pun sudah diluluskan dalam RMK11 demi menarik pelancong dalam dan luar Sabah.

40. PR-1422-L04372  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan reformasi institusi setakat ini dan apakah institusi tersebut.
41. PR-1422-L05209  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan firma guaman yang ditubuhkan dan digulung setiap tahun sejak 2010. Apakah sebab-sebab penutupan firma guaman tersebut.
42. PR-1422-L05493  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur perundangan dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam Peraturan Mesyuarat Parlimen baharu untuk mendakwa kakitangan Kementerian atau agensi Kerajaan yang gagal mengatasi kelemahan yang telah diketengahkan oleh Jabatan Audit Negara serta selepas pendengaran Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
43. PR-1422-L05519  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes yang disiasat oleh SPRM dan berapa banyak yang telah didakwa di mahkamah dan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan setiap kes yang disiasat SPRM akan dibawa dan didakwa ke mahkamah.
44. PR-1422-L04853  
**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci butiran hutang peneroka FELDA mengikut tiga kategori iaitu Hutang Pembangunan Kebun, Hutang Sosioekonomi dan Hutang Baja.
45. PR-1422-L04316  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian untuk mendapat balik aset skandal 1MDB dari dalam negara dan dari negara luar serta apakah usaha yang sedang dibuat.
46. PR-1422-L05676  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap penggunaan kereta skrap daripada Singapura dan bagaimana cara untuk mengatasinya. Adakah Kementerian telah mempunyai garis panduan untuk penguatkuasaan dilakukan.

47. PR-1422-L05696  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal satu undang-undang anti perkauman memandangkan isu-isu perkauman semakin berleluasa di kalangan rakyat Malaysia dan sekiranya ya, bilakah ia akan digubal.
48. PR-1422-L04724  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengoperasian terkini JKP (Jawatankuasa Pemandu Pulau Pinang) dan senaraikan projek-projek serta program-program pembangunan Bumiputera Pulau Pinang semenjak Kerajaan PH mengambil alih pemerintahan negara.
49. PR-1422-L05160  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan FELDA untuk mengembalikan semula Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dalam memegang saham 51% dalam FELDA Holding yang banyak memberi faedah dan pendapatan tambahan kepada peneroka seperti sebelum ini.
50. PR-1422-L05320  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan setakat ini untuk pegawai Pengurusan dan Profesional yang mengikuti pengajian ijazah lanjutan? Berapakah peratusan kelulusan PhD, proses saringan yang dijalankan, dan adakah penyelidikan itu digunapakai untuk mencipta nilai awam.
51. PR-1422-L05411  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Akta Kebebasan Maklumat akan digubal dan bilakah ia dijangka dibentangkan.
52. PR-1422-L04468  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana dengan cadangan penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan usaha Kerajaan melindungi kebajikan dan hak asasi Orang Asli khususnya krisis kesihatan Orang Asli suku kaum Batek 14 sah maut.

53. PR-1422-L04464  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijangka siap dibina.
54. PR-1422-L05423  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan rancangan, pelan pembangunan dan penyelenggaraan GeoPark Lembah Kinta yang telah dimashyurkan sebagai tapak geologi GeoPark Kebangsaan.
55. PR-1422-L05313  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional pihak Parlimen yang sering menetapkan had masa bagi mengawal pertanyaan jawab lisan dan juga perbahasan dan sejauh mana ini bertentangan dengan hak Ahli-Ahli Dewan Rakyat dalam mengemukakan dan membahaskan isu-isu penting negara dan rakyat kawasan yang diwakili masing-masing.
56. PR-1422-L04455  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pendengaran Suruhanjaya Siasatan Diraja ke atas salah laku hakim- hakim seperti yang didedahkan dalam affidavit Yang Arif Dr. Hamid Sultan Abu Backer dijangka bermula.
57. PR-1422-L05723  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai menerusi kempen Sayangi Sawitku semenjak dilancarkan dan bagaimanakah kempen ini telah membantu golongan peladang dan pekebun kecil sawit dalam menghadapi masalah kelembapan permintaan dan harga komoditi tersebut.
58. PR-1422-L04744  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) di bawah Jabatan Perdana Menteri akan membuka semula siasatan terhadap mantan Ketua Menteri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Yang di-Pertua Negeri of Sarawak, dan juga orang-orang berdekatan dengannya atas tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa berikutan bukti baru yang dikemukakan atas kerjasama oleh Bruno Manser Fund dan Sarawak Report.

59. PR-1422-L05090  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan tahap pemilikan kekayaan iaitu aset kewangan dan hartanah kaum Bumiputera yang mana buat masa ini berada paling rendah berbanding kaum-kaum lain.
60. PR-1422-L05050  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua reformasi yang telah dibuat terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Adakah Kerajaan juga bersedia untuk menyemak semula Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.
61. PR-1422-L04540  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan menerbitkan senarai penuh keahlian Ahli-Ahli Parlimen dalam lembaga pengarah syarikat milik Kerajaan di peringkat Persekutuan atau negeri, dan semua syarikat swasta, atau sebagai konsultan, beserta dengan jumlah elaun dan bayaran-bayaran lain seperti yang termaktub di dalam manifesto PH.
62. PR-1422-L05467  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah penduduk yang sering menjadi mangsa banjir kilat setiap kali hujan lebat di laluan Guar Stesen, Gurun, Kedah setelah siapnya Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar.
63. PR-1422-L04404  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pasaran-pasaran baru sawit Malaysia serta jumlah jualan sawit yang berjaya dicapai di pasaran-pasaran baru ini.
64. PR-1422-L05268  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dasar Kerajaan berkenaan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta pembinaan untuk memastikan pembangunan ekonomi secara keseluruhan tidak terjejas.

65. PR-1422-L04592  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan kesan positif kempen 'Sayangi Minyak Sawitku' dan kemampuan kempen tersebut dalam meningkatkan penjualan minyak sawit tempatan atau produk berasaskan sawit serta harga komoditi tersebut.
66. PR-1422-L04684  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan semua langkah terperinci untuk menaikkan harga komoditi sawit, getah, lada hitam dan lain tanaman. Nyatakan hasil usaha itu. Bila MSPO akan diselesaikan dan nyatakan negara baru yang membeli sawit, getah, lada hitam serta nilainya.
67. PR-1422-L05237  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah keselamatan terhadap pemandu dan pengguna *e-hailing* susulan kes samun dan bunuh penghujung Mei yang lalu.
68. PR-1422-L05501  
**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah perincian dan kewangan yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan bagi Program E-Sport untuk setiap negeri serta daerah di seluruh negara; dan
  - (b) apakah perancangan Kementerian dalam mewujudkan organisasi pengurusan Kementerian dan latihan E-Sport peringkat negeri dan daerah di seluruh negara.
69. PR-1422-L04960  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi Kuala Lumpur ke Sarawak terutamanya Kuala Lumpur-Sibu dan Johor-Sibu pada musim perayaan Gawai dan Raya baru-baru ini berbanding dengan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi laluan yang sama pada masa perayaan Tahun Baru Cina 2019 dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim-musim perayaan.

70. PR-1422-L05230  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan impak promosi produk-produk berasaskan sawit di Maghribi dan Mesir.
71. PR-1422-L05666  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) apakah status pelaksanaan projek tebatan banjir di Kampung Sebemban yang telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta; dan
  - (b) adakah Kementerian berhasrat dan mempunyai pelan memperbaiki saliran dan pengairan di kawasan Kampung Bratan, Kampung Bratan Asah, Kampung Sikog, Kampung Mambong, Taman Duranda Mas, Kpg Bayur, Kpg Tringgus Bong, Kpg Tringgus Muan, Kpg Rabak Rotan, Kpg Bijuray, Kpg Maang, Kpg Sinjok, Kpg Tijirak dan Kpg Duras yang sering dilanda banjir akibat kelemahan sistem saliran dan pengairan.
72. PR-1422-L05233  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan perkembangan terkini program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTS) terhadap pekebun kecil di Sabah dan Sarawak.
73. PR-1422-L05089  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk menangani insiden kemiskinan daripada terus meningkat khususnya di Sabah dan Sarawak memandangkan lebih 50% daripada jumlah miskin tegar isi rumah kemiskinan disahkan eKasih adalah isi rumah daripada Sabah dan Sarawak.
74. PR-1422-L05137  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan operasi terkini oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor di kawasan Mersing pada bulan Jun dan jumlah orang ditahan serta hutan yang telah diceroboh oleh kumpulan tersebut.

75. PR-1422-L05686  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara spesifiknya berkenaan bilakah "*Royal Commission of Inquiry*" berikutan pendedahan Hakim Mahkamah Rayuan Hamid Sultan Abu Backer akan dimulakan dan apakah skop dan/atau terma-terma rujukan "*Royal Commission of Inquiry*" tersebut.
76. PR-1422-L04443  
**Datin Mastura binti Mohd Yazid [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan fizikal dan bukan fizikal untuk semua masjid dan rumah-rumah ibadah lain.
77. PR-1422-L04360  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status permohonan pembinaan jalan raya bertar dari Kg Tarawas ke Kg Kaingaran (projek ini termasuk salah satu dari senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah) yang mana telah dikemukakan kepada pejabat Kementerian Ekonomi untuk mendapat ulasan dari Unit Perancang Ekonomi. Adakah pihak Kerajaan bersedia untuk meluluskan pembinaan jalan bertar sejauh 10km dahulu untuk tahun ini.
78. PR-1422-L05633  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah kewangan yang amat meruncing yang dihadapi oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA); dan
  - (b) apakah mereka yang melakukan penyelewengan dalam FELCRA telah dibawa ke muka pengadilan.
79. PR-1422-L04905  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah penyelesaian berkenaan isu pembayaran royalti minyak negeri Kelantan dan bilakah janji Manifesto PH tersebut akan ditunaikan.
80. PR-1422-L05127  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan pemandu dan penumpang Grab.

81. PR-1422-L05296  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah kita mempunyai perjanjian perdagangan barter untuk minyak kelapa sawit dengan negara lain selain daripada Negara China.
82. PR-1422-L04740  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk mengeluarkan jenayah cubaan bunuh diri atau '*decriminalisation of attempted suicide*' daripada Kanun Keseksaan.
83. PR-1422-L05658  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam menggalakkan penggunaan basikal atau motosikal yang menggunakan kuasa elektrik atau bateri seperti yang diamalkan di negara luar seperti China.
84. PR-1422-L04863  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan telah memuktamadkan pelaksanaan pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), terutamanya dari segi kos keseluruhan dan jajaran pembinaan.
85. PR-1422-L04887  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pembinaan ECRL dan sejauh mana pengurangan skop dan kos pembinaan akan mempengaruhi proses penyiapan projek tersebut.
86. PR-1422-L(5)00040  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini kadar tarif air di setiap negeri, memandangkan 6 negeri dikatakan akan menaikkan kadar tarif air.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

87. PR-1422-L05362  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan permohonan untuk membina baru sekolah rendah agama (JAIM) Kg Kesang Tua, Jasin, Melaka yang berjumlah RM2.5juta yang telah diluluskan sebelum PRU 14.

88. PR-1422-L04723  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini dalam usaha memupuk integrasi nasional mutlak.
89. PR-1422-L04653  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek-projek kecil seperti Projek-Projek Mesra Rakyat (PMR) yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.
90. PR-1422-L05081  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada jumlah tenaga kerja bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencukupi untuk menampung beban kerja yang sedia ada dan kian bertambah.
91. PR-1422-L05689  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang sedia ada untuk memberi kuasa kepada "*Parliamentary Select Committee on Major Public Appointments*" (PSC) untuk membuat lantikan jawatan awam utama dan sekiranya ya, bila ia akan dilakukan dan sekiranya tidak, apakah sebab-sebabnya.
92. PR-1422-L05442  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa keadaan banyak fasiliti sukan di Kompleks Sukan Labuan adalah sangat menyedihkan malah sebahagian tidak dapat digunakan langsung. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Kompleks Sukan Labuan.
93. PR-1422-L04575  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah status dan perkembangan Skim Tanam Baru Sawit pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Sekiranya masih ada, apakah peruntukan yang diluluskan bagi Sarawak pada tahun 2019.

94. PR-1422-L04968  
**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan anggaran jumlah graduan tempatan dari universiti awam dan swasta di dalam dan luar negara bagi tahun ini serta anggaran peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta serta peluang-peluang keusahawanan buat mereka.
95. PR-1422-L04469  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini yang mana masyarakat berbilang kaum berhadapan perpecahan atas pelbagai isu dan dasar Kerajaan.
96. PR-1422-L04346  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perihal FELDA yang masih dibelenggu masalah kewangan dan mengapakah modul perladangan dan perniagaan masih tertumpu kepada pengeluaran sawit sahaja dan apakah strategi Kementerian/FELDA untuk mengambil langkah baru untuk modul perniagaan perladangan yang sejajar dengan perkembangan sektor agro dan komoditi terkini.
97. PR-1422-L05713  
**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pengagihan sumbangan RM50 juta untuk sekolah-sekolah tahfiz. Apakah kriteria yang melayakkan sekolah tahfiz menerima sumbangan tersebut. Adakah JAKIM ataupun pihak Menteri bercadang menyediakan kurikulum untuk sekolah pondok, sekolah agama rakyat dan tahfiz supaya para pelajarnya dapat menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan.
98. PR-1422-L04766  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah bilangan pengangguran terkini di Sabah dan apakah usaha yang sedang dijalankan dan telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam mengurangkan kadar pengangguran yang tinggi di Sabah.

99. PR-1422-L05733

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini serta tindakan Kementerian yang telah diambil terhadap restoran-restoran asing atau kedai mamak yang menggunakan sijil halal palsu dan mengelirukan pelanggan Muslim dengan menyembunyikan identiti sebenar mereka dengan berselindung di sebalik hiasan ayat Al-Quran dan apakah modal yang telah diserapkan warga asing untuk meniaga di negara ini serta apakah lesen yang dijual oleh warga tempatan kepada warga asing ini dianggap sah.

100. PR-1422-L05744

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat hari ini berapa jumlah pekerja sebagai kakitangan pejabat dan/atau agensi Kerajaan Persekutuan telah diberhentikan perkhidmatan mereka.

101. PR-1422-L05764

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk merencanakan lagi urusan niaga di POIC Lahad Datu setelah pengwujudan "*APEX delivery location*".

102. PR-1422-L05731

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan bercadang untuk menanggungkan pembangunan Rancangan Kereta Kebangsaan Ketiga, ini kerana pihak Kerajaan harus lebih memfokuskan kepada pembangunan sektor pengangkutan awam yang dilihat lebih kritikal dan apakah perkembangan kereta terbang sekarang.

103. PR-1422-L04747

**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil dalam usaha memastikan kerja-kerja projek Kerajaan baru dipantau dengan ketat dan sempurna demi kepentingan semua rakyat.

104. PR-1422-L05121

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Petronas akan mematuhi undang-undang negeri Sarawak untuk menjalankan operasi di negeri berkenaan dengan mendaftar sebagai pembayar cukai jualan ke atas produk petroleum yang telah berkuatkuasa 1 Januari 2019 yang dikenakan oleh Kerajaan negeri selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

105. PR-1422-L04370  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah projek mega yang telah dibatalkan setakat ini. Maklumkan secara terperinci mengenai projek tersebut beserta kosnya.
106. PR-1422-L05226  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk nyahrahsia (*declassify*) laporan tragedi “*Double Six*” yang berlaku pada 6 Jun 1976 yang mana sebelas nyawa terkorban, termasuklah Ketua Menteri Sabah pada masa itu, memandangkan lebih daripada 43 tahun sudah berlalu dan tiada perlunya laporan tersebut terus dirahsiakan.
107. PR-1422-L04768  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perancangan dan dasar baharu Kementerian untuk meningkatkan harga getah di Sabah.
108. PR-1422-L04759  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah Kementerian mengatasi gangguan hidupan liar seperti kera, khinzir hutan dan gajah yang merosakkan ladang tanaman serta penempatan penduduk di kawasan pedalaman.
109. PR-1422-L05300  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan inisiatif daripada pihak Kementerian untuk mengekang kejatuhan harga jualan hasil pertanian seperti getah, lada hitam dan kelapa sawit bagi mengelak kerugian berterusan kepada pengusaha ladang mahupun pekebun kecil / petani.
110. PR-1422-L05371  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menangani gerakan normalisasi yang memperjuangkan ideologi liberalisme dan mengamalkan budaya songsang seperti LGBT serta menggunakan jenama Islam untuk agenda kebebasan beragama dan membuka aurat di kalangan Muslimah.

111. PR-1422-L05045  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah wang yang akan diperuntukkan untuk memajukan Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan untuk 5 tahun akan datang sejajar dengan status pulau bebas cukai yang telah diumumkan oleh Kerajaan.
112. PR-1422-L05109  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah strategik Kerajaan dalam menyelesaikan masalah lambakan pendatang asing khususnya di negeri Sabah yang jumlahnya terlalu ramai dan mereka didapati bebas tinggal secara haram di dalam negara.
113. PR-1422-L05746  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apa sebenarnya status atau keadaan ekonomi Malaysia sekarang. Nyatakan apa boleh kita bangga dari petanda-petanda keadaan ekonomi Malaysia sedia ada.
114. PR-1422-L05046  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan insentif-insentif yang akan diberikan kepada pihak swasta untuk membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pangkor dan daerah Manjung, Perak.
115. PR-1422-L05068  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah kes penganjuran Himpunan Hari Wanita telah diklasifikasikan sebagai “tiada tindakan selanjutnya” (NFA) dan dihentikan siasatan sedangkan perarakan yang melibatkan kelompok LGBT jelas bercanggah dengan Islam dan Perlembagaan Persekutuan.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 2019.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R 21/2019 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
[ Perdana Menteri ]
2. ( D.R 23/2019 ) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 "  
[ Menteri Kewangan ]
3. ( D.R 24/2019 ) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 "  
[ Menteri Kewangan ]

4. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.106, ST.107 dan ST.108 bagi tahun 2019 disahkan."

7. PR-1422-U(27)050

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

**[ Perdana Menteri ]**

8. PR-1422-U(27)051

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

9. PR-1422-U(27)052

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1422-U(27)053

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1422-U(27)054

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati."

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1422-U(27)055

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1422-U(27)056

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate—UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “*Youtube*”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

14. PR-1422-U(27)057

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

“Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.”

“Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.”

“Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

15. PR-1422-U(27)058

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1422-U(27)059

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri."

Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1422-U(27)060

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

**[ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

18. PR-1422-U(27)061

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian

yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat khuatir konvensyen tersebut akan menghakik kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

19. PR-1422-U(27)062

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensinya antarabangsa yang

memainkan peranan besar dalam menyelaraskan sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

**[ Menteri Industri Utama ]**

20. PR-1422-U(27)063

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Pendidikan ]**

21. PR-1422-U(27)047

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1422-U(27)048

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urusan tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

23. PR-1422-U(27)049

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2019</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bagi Tahun 2017	16 Julai 2019
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi Tahun 2017	16 Julai 2019

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 16.07.2019 (Selasa)	1. YB Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)	1. Isu Keadaan Semak Dan Belukar Sepanjang Pagar Keretapi Tanah Melayu Stesen Bukit Mertajam	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 16.07.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	2. Kampung Baru Di Rasah	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**